



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERSIDANGAN STATISTIK MALAYSIA KE-11 (MYSTATS) 2024

PUTRAJAYA, 19 September 2024 – Persidangan Statistik Malaysia (MyStats) ke-11 2024 telah diadakan pada 19 September 2024 bertemakan "Data dan Kecerdasan Buatan: Memperkasa Masa Depan". Tema ini mencerminkan peranan yang semakin meningkat dalam menggabungkan teknologi dan data untuk mencipta inovasi serta meningkatkan keberkesanan dalam pelbagai sektor di negara kita.

Persidangan ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Ekonomi. Majlis perasmian turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia; Dato' Marzunisham Omar, Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia; Profesor Dr. Habshah Midi, Presiden, Institut Statistik Malaysia; Puan Noraini binti Ahmad, Pengarah Bahagian Perancangan Strategik, Kementerian Ekonomi, serta lebih 1000 peserta yang terdiri daripada ahli statistik, ahli akademik dan penyelidik dari pelbagai agensi secara fizikal dan maya.

Persidangan ini merupakan anjuran bersama antara Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Institut Statistik Malaysia. Ianya bertujuan menyediakan platform untuk ahli statistik, penyelidik, ahli ekonomi, pembuat dasar, ahli akademik untuk mengetengahkan idea baharu dan meningkatkan pemahaman bersama dalam bidang statistik, selain mewujudkan jalinan kerjasama dan rangkaian yang lebih baik. Ini dapat meningkatkan lagi keberkesanan analisis dan penggubalan dasar kerajaan yang dibuat berdasarkan fakta.

MyStats ialah platform untuk mengumpulkan ahli statistik, pembuat dasar dan pengamal statistik terkenal yang memberikan pelbagai manfaat kepada komuniti statistik. Persidangan bermula dengan sesi ucaptama yang membincangkan dengan lebih lanjut berkenaan tema majlis yang disampaikan Profesor Sanjay Sarma, *Chief Executive Officer, President and Dean Asia School of Business*. Persidangan diteruskan dengan dua sesi forum yang menghuraikan perihal gaji progresif dan dilema kehilangan pekerjaan.

Forum yang pertama memfokuskan kepada **Pelaksanaan Gaji Progresif** dengan Dr. Mohd Ridwan Abd Razak, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai pengerusi. Sesi ini membincangkan pandangan majikan dan penyelidik berkaitan pelaksanaan gaji progresif dan komitmen Kerajaan bagi mereformasi pasaran buruh dengan matlamat untuk meningkatkan pendapatan pekerja selari dengan peningkatan produktiviti. Pengenalan dasar baru ini akan menjadi pelengkap kepada inisiatif gaji sedia ada iaitu Perintah Gaji Minimum dan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (Productivity Linked-Wage System - PLWS).

Sementara itu, forum yang seterusnya adalah **Kecerdasan Buatan (AI) dan Dilema Kehilangan Pekerjaan**, dipengerusikan oleh Dr. Ida Rosnita Ismail, Pensyarah Pengajian Siswazah Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Perbincangan tersebut adalah berkenaan Kecerdasan Buatan (AI) yang telah membawa perubahan besar dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Meskipun membawa kemajuan teknologi yang luar biasa, penggunaan AI turut menimbulkan kebimbangan tentang risiko kehilangan pekerjaan. Selang di antara dua sesi forum tersebut, sesi selari turut diadakan dengan pembentangan 24 kertas saintifik di bawah 8 sub tema persidangan ini. Kertas-kertas saintifik tersebut merangkumi pelbagai bidang iaitu analisis ekonomi, pembangunan sosial, kecerdasan buatan (AI), big data, kemajuan teknologi, analisis ekonomi dan statistik. Sementara itu, sebanyak 20 poster saintifik turut dipamerkan.

Selain itu, persidangan hari ini turut mengiktiraf sumbangan pengamal statistik melalui anugerah Mystats ***The Best Young Statistician Presenter, The Best Oral Presenter*** dan ***The Best Poster Presenter***. Ini adalah untuk menunjukkan penghargaan dalam mengiktiraf bakat mereka dari segi penyelidikan dan penghasilan statistik berimpak tinggi.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian dan juga Survei Pendapatan dan Perbelanjaan (HIES). DOSM juga akan menyambut Hari Statistik Negara pada bulan hadapan dan Sambutan Jubli Intan Ke-75 Tahun DOSM yang akan berlangsung di Pulau Pinang pada bulan November.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
19 SEPTEMBER 2024**



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

11TH MALAYSIA STATISTICS CONFERENCE (MYSTATS) 2024

PUTRAJAYA, 19th September 2024 – The 11th Malaysian Statistics Conference (MyStats) 2024 was held on September 19, 2024, with the theme "Data and Artificial Intelligence: Empowering the Future." This theme reflects the growing role of integrating technology and data to drive innovation and enhance effectiveness across various sectors in our country.

The Honorable Dato' Hajjah Hanifah Hajar Taib, Deputy Minister of Economy, inaugurated the conference. The inauguration was also graced by YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia; Dato' Marzunisham Omar, Deputy Governor of Bank Negara Malaysia; Professor Dr. Habshah Midi, President from the Malaysian Institute of Statistics; Mrs. Noraini Binti Ahmad, Director Strategic Planning Division, Ministry of Economy; and over 1,000 participants, including statisticians, academics, and researchers from various agencies, both in person and online.

Organized jointly by the Department of Statistics Malaysia, Bank Negara Malaysia, and the Malaysian Institute of Statistics, the conference aimed to provide a platform for statisticians, researchers, economists, policymakers, and academics to present new ideas, deepen their understanding of statistics-, and promote enhanced collaboration and networking. The goal was to enhance statistical analysis and create better evidence-based government policies.

MyStats serves as a platform for bringing together renowned statisticians, policymakers, and statistical practitioners, offering various benefits to the statistical community. The conference began with a keynote session discussing the theme delivered by Professor Sanjay Sarma, Chief Executive Officer, President, and Dean of the Asia School of Business. The conference continued with two forum sessions addressing progressive wage implementation and the dilemma of job loss.

The first forum focused on **Progressive Wage Implementation**, chaired by Dr. Mohd Ridwan Abd Razak from Sultan Idris Education University (UPSI). This session discussed the perspectives of employers and researchers regarding

the implementation of progressive wages and the Government's commitment to labour market reform aimed at increasing worker income in line with productivity improvements. This new policy introduction will complement existing wage initiatives such as the Minimum Wage Order and the Productivity Linked-Wage System (PLWS).

*The next forum addressed **Artificial Intelligence (AI) and the Job Loss Dilemma**, chaired by Dr. Ida Rosnita Ismail, Lecturer of Postgraduate Business Studies at Universiti Kebangsaan Malaysia. The discussion focused on AI, which has brought significant changes in the era of Industry Revolution 4.0 (IR 4.0). Despite the remarkable technological advancements, the use of AI has also raised concerns about job loss risks. Between the two forum sessions, parallel sessions featured 24 scientific papers under 8 sub-themes of the conference. These papers covered various fields including economic analysis, social development, AI, big data, technological advancements, economic analysis, and statistics. Additionally, 20 scientific posters were displayed.*

*Furthermore, the conference recognized the contributions of statistical practitioners with awards for **Best Young Statistician Presenter, Best Oral Presenter, and Best Poster Presenter**. These awards aim to acknowledge their talents in research and the production of high-impact statistics.*

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium providing a data catalogue and visualization to facilitate users in analyzing various data. OpenDOSM NextGen is an open data-sharing platform accessible through the portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is currently conducting the Agricultural Census and the Household Income and Expenditure Survey (HIES). DOSM will also celebrate National Statistics Day next month and the 75th Diamond Jubilee of DOSM, which will take place in Penang in November.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
19th SEPTEMBER 2024**